

Skuad wushu bakal menyinar di Laos

>>Oleh Wan Noriza Meor Idris


wannnoriza@NSTP.com.my

M ESKIPUN tanpa kehadiran juara dunia, Chai Fong Ying (**gambar**), skuad wushu negara ke Sukan Universiti Asean (AUG) Laos yang bakal membuka tirainya lima hari saja lagi tetap menyinar dengan kehebatan Diana Bong selaku taruhan utama menuai pingat emas.

Mahasiswa Universiti Putra Malaysia (UPM) berusia 27 tahun itu dianggap paling berpengalaman ke AUG dengan catatan pingat gangsa di Sukan Asia Doha, dua pingat emas di Sukan Sea masing-masing di Korat dan Laos serta kutipan satu perak dan satu gangsa di Kejohanan Wushu Dunia di Ankara, Turki tahun lalu.

"Sememangnya pingat emas yang menjadi idaman. Namun, saya berharap mampu lakukannya yang terbaik memandangkan ini kali pertama wushu dipertandingkan di AUG.

"Pastinya saya ingin melakar kejayaan di penampilan sulung saya di Laos serta untuk sukan wushu yang diberi kepercayaan menyertai AUG selepas memasuki edisi ke-16. Cuma agak sukar untuk saya meletakkan jangkaan kerana tidak tahu se-



jauh mana kehebatan lawan," katanya.

Dengan AUG semakin hampir, wushu bersama kontingen negara membabitkan 306 atlet sudah mula memasuki kem latihan pusat dengan venue membabitkan UPM serta Majlis Sukan Negara (MSN) Bukit Jalil.

Wushu yang menjalani latihan intensif ke AUG di Bukit Jalil ketika ini turut menampilkan atlet elit yang tidak kurang hebat iaitu Ng Shin Yee serta adik kepada

Fong Ying, Fong Wei. Empat lagi atlet lelaki, Ng Say Yoke, Koo Chee Zhong, Loh Jack Chang dan Wong Weng Sun turut disenaraikan.

Harapan pingat turut disandarkan kepada Shin Yee dan Jack Chang yang turut memegang status bertaraf dunia. Shin Yee pernah menduduki tangga kedua Kejohanan Dunia di Toronto 2009 manakala Jack Chang meraih perak di Kejohanan Dunia di Ankara Turki, tahun lalu.